

## Dr Mastura Badzis →

bhnta@bharian.com



Dunia kanak-kanak penuh dengan imaginasi dan fantasi. Daya imaginasi kanak-kanak tinggi menjadikan mereka sangat kreatif dan sering menunjukkan tingkah laku atau hasil kerja di luar kotak pemikiran. Sebagai contoh, anak yang diminta mewarnakan gambar sebiji kelapa mewarnakannya dengan warna hitam pekat mungkin dia berimaginasi kelapa itu terbakar di kebun datuknya.

Apabila kanak-kanak berada dalam dunia fantasinya, dia akan berada dalam dua peringkat dan situasi. Pertama, dia akan menonjolkan tingkah laku atau membuat sesuatu menggambarkan apa yang terlintas dalam pemikiran dan imaginasi.

Kedua, dia akan membuat sesuatu tindakan seolah-olah apa yang dibayangkannya itu wujud, sedangkan perkara itu tidak jejak di bumi nyata.

Justeru, kerana ingin merealisasikan apa yang terlintas dalam dunia fantasinya, pelbagai perkara dilakukannya akan dianggap salah dan menguji kesabaran. Walhal, jika ibu dan bapa bijak berkomunikasi serta menjivai si kecil, dia akan bercerita kenapa sesuatu pakaian

Anak perempuan saya berusia lapan tahun. Dia gemar bergaya dan memilih pakaian tidak sesuai dengan usianya. Saya membiarkan dia menentukan cara pakaian disukai.

Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, sikapnya agak keterlaluan dan apa yang membimbangkan dia tidak berpeluang mengecapi dunia kanak-kanak seusia dengannya. Apakah pandangan Dr mengenai hal ini?

Ilyana Samsudin  
Taman Melawati,



GAMBAR HIASAN

Membenarkan kanak-kanak memilih dan membuat keputusan barang yang disukainya atau pakaian mahu dipakai dapat membantunya berfikir kehidupan, belajar dari kesilapan, kesan dan akibat pemilihan itu atau tindakan. Si kecil yang mungkin beriya-ya mahu mengenakan kasut bertumit tinggi ketika diajak bersiar-siar di taman permainan akan menyedari pilihan itu tidak tepat dan menyebabkan kakinya sakit.

## Beri kepercayaan

Ramai ibu bapa suka menetapkan pakaian apa yang harus dipakai. Memaksa anak untuk memilih dan melakukan sesuatu mengikut kemahuan orang tua tidak dapat membantu si kecil belajar menyelesaikan masalah dan memahami dunia sekitarnya.

Ibu bapa wajar beri pujian supaya mereka tidak hilang kepercayaan pada diri sendiri. Beri peluang anak memilih satu antara dua benda saja contohnya nak pakai baju yang biru atau merah. Terlalu banyak pilihan menjadikan mereka keliru. Apabila pilihan yang dibuat si kecil tidak menepati adat kebiasaan, contohnya pakai baju kurung untuk berjoging dan bersenam, biarkan dia merasa kesan dan akibat dari perbuatannya, kemudian "berbincang" semula supaya dia dapat belajar dari kesilapan dan tidak mengulanginya di masa akan datang.

## Gaya tidak ikut usia

» Daya imaginasi, pengaruhi cita rasa si kecil pilih pakaian



itu menjadi pilihan dan sebagainya. Ibu bapa tidak perlu bimbang dengan keadaan ini. Semakin si kecil membesar dan dapat berfikir dengan lebih matang, alam fantasi yang dilaluinya akan semakin hilang. Aspek paling penting adalah kepimpinan melalui teladan. Apa saja yang dilihat anak akan menjadi contoh, ditiru dan akhirnya menjadi kebiasaan.

Sebagai bapa, saya mahu melihat kejayaan anak sulung dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), tidak lama lagi. Dia rajin menelaah pelajaran bagi menghadapi peperiksaan itu.

Cuma, saya mulai risau apabila sejak sebulan lalu, dia kerap berjaga hingga awal pagi untuk membuat latih tubi dan mengulangkaji pelajarannya. Puas menasihatinya supaya tidak berjaga sehingga awal pagi tetapi dia tetap mahu berbuat demikian. Bagaimana saya boleh atasi masalah ini.

Ikram Ahmad  
Setiu, Terengganu

**Kebolehan** anak untuk memahami apa yang dirancang dan dilakukannya, meneliti kesan dan akibat daripada perbuatannya terhadap diri sendiri atau orang lain. Belajar untuk menilai atau muhasabah diri adalah satu aspek dan kemahiran penting yang perlu dipupuk dalam diri setiap anak sejak mereka kecil.

Justeru, anak yang menunjukkan kesungguhan belajar dan ingin berjaya dalam pelajaran

melihatnya sebagai satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan tanpa dipaksa atau diberi tekanan menandakan yang ia mempunyai daya metakognisi yang tinggi. Kebolehan berfikir dan menilai semula apa yang dilakukan akan menyebabkan seseorang itu berusaha mencari strategi dan jalan yang terbaik bagi memastikan hasrat serta cita-cita tercapai.

Aplikasi kemahiran metakognisi atau kebolehan mem-

buat refleksi terhadap apa yang difikir dan dilakukan dapat dilihat bukan saja dari aspek akademik, malah amat penting dalam setiap aspek kehidupan terutama moral serta tatacara perlakuan dan akhlak mereka.

## Beri motivasi

Anak ini akan melakukan sesuatu kebaikan tanpa disuruh dan akan berusaha mencari jalan atau strategi terbaik menyempurnakan sesuatu tanggungjawab, tugas atau amanah yang diberikan. Kebolehan ini mempunyai kaitan rapat dengan tahap keyakinan diri, kebolehan berfikir secara kritis dan faktor motivasi.

Dalam konteks ini, apabila anak rajin menelaah pelaja-

ran tanpa disuruh ini bererti dia memahami kenapa perlu berbuat demikian dan motivasi dalaman dirinya dapat merangsang dirinya untuk belajar dengan tekun.

Bagaimanapun, apabila anak belajar tanpa mengira waktu, tidak mengambil hirau hal yang boleh menjejaskan kesihatan dan proses pembelajaran, ini bermaksud anak masih kurang dari aspek kemahiran berfikir secara kritis.

Anak yang mempunyai kemahiran berfikir secara kritis akan sentiasa bersikap terbuka terhadap pandangan orang lain dan menerima pandangan itu terutama jika sebab musabab yang dikemukakan adalah munasabah serta apa yang disampaikan

bersesuaian dengan tahap pemikiran remaja.

Kemahiran berfikir secara kritis ini boleh dipupuk dengan baik menggunakan teknik berkomunikasi yang efektif. Kajian menunjukkan anak remaja akan dapat berfikir secara kritis apabila dia sendiri diberi peluang menjelaskan kesan dan akibat daripada perbuatannya.

Justeru, dalam menasihati anak supaya tidak berjaga sehingga awal pagi, pastikan ibu bapa tidak berleter sebaliknya beri peluang berfikir mencari jalan alternatif dan mengemukakan pandangan bagaimana untuknya mencari jalan kehar supaya dia boleh mengulang kaji pelajaran tanpa mengorbankan diri berjaga sehingga awal pagi.

## Belajar hingga larut malam untuk hadapi PMR

Anda ada masalah dengan anak? Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhnta@bharian.com.my](mailto:bhnta@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat **Unit Famili, Berita Harian, 31, Jalan Riang, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**